

MENYOKONG KELUARGA MUDA

Membantu keluarga muda memulakan kehidupan mereka



Geran Perumahan CPF

- Geran perumahan berjumlah sehingga **\$80,000** akan diberikan kepada keluarga yang ingin membeli rumah **HDB baharu** buat pertama kali
- Geran perumahan berjumlah sehingga **\$160,000** akan diberikan kepada keluarga yang ingin membeli rumah HDB **yang dijual semula** buat pertama kali



Bonus Bayi

- **Geran Langkah Pertama Akaun Pembangunan Anak** sebanyak \$3,000 dan padanan setiap dolar dalam simpanan bersama sehingga \$15,000
- **Bonus Bayi berupa wang tunai** berjumlah sehingga \$10,000




Sokongan untuk Perkhidmatan Prasekolah

- Lebih banyak **tempat untuk kanak-kanak di prasekolah biayaan pemerintah** dan **subsidi prasekolah yang lebih tinggi**
- Had Pendapatan keluarga yang lebih tinggi sebanyak **\$12,000** untuk Subsidi Tambahan prasekolah dan Skim Bantuan Yuran Tadika (KiFAS)



Bantuan untuk Pelajar

- Meningkatkan jumlah dermasiswa tahunan peringkat pra-universiti daripada \$900 kepada **\$1,000**
- Jumlah **subsidi pengangkutan** yang lebih tinggi untuk semua pelajar dan **subsidi makanan** untuk pelajar sekolah menengah di bawah Skim Bantuan Kewangan MOE
- Mempercepat masa untuk semua pelajar sekolah menengah memperoleh **peranti pembelajaran digital**



Pakej Bantuan Keluarga

- Bayaran tunai sebanyak **\$300** untuk setiap ibu bapa yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak warga Singapura yang berumur 20 tahun ke bawah